

13 JAN 2000

Shahidan-PPRT

SHAHIDAN DEDAHKAN SIKAP BURUK SEGELINTIR PESERTA PPRT

KANGAR, 13 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim mendedahkan sikap buruk segelintir peserta Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang tidak bersyukur dengan sumbangan murni kerajaan.

Ada di antara mereka yang berpura-pura menyokong kerajaan semasa memohon bantuan tetapi setelah menikmati kemudahan itu, belang mereka mula kelihatan.

Bercakap kepada para pemberita di pejabatnya, Shahidan berkata, kerajaan akan terus membantu golongan termiskin dan berharap mereka menjadi golongan yang sentiasa bersyukur.

Menteri Besar percaya antara faktor peserta PPRT menentang kerajaan disebabkan mereka mudah terpengaruh dengan dakwah parti pembangkang.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis berkata, ada juga di kalangan anggota Umno yang mengungkit penyertaan mereka dalam parti itu ketika memohon bantuan.

Katanya, kerajaan Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi Umno telah memberi khidmat sebaik mungkin sejak memerintah dan tiada rakyat yang akan dibiarkan terabai.

Meskipun ada di kalangan anggota Umno tidak menikmati ganjaran secara individu tetapi mereka telah menikmati kemudahan seperti pendidikan, infrastruktur dan kebajikan.

Shahidan berkata, presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menekankan tentang perlunya menghayati perjuangan asal Umno supaya mereka menyedari bahawa nikmat yang telah dikecapi selama ini adalah hasil perjuangan parti itu.

Di peringkat negeri, beliau berkata, Umno akan melatih kumpulan tertentu untuk memberi penerangan menyeluruh kepada anggota-anggota parti tentang perlunya mereka menghayati perjuangan asal parti.

Katanya, jika perjuangan asal parti dihayati secara ikhlas, mereka akan sedar bahawa perjuangan parti perlu diutamakan manakala kepentingan peribadi hanya sebagai sampingan.

-- BERNAMA

AD zb